

Usul kaji semula Ketetapan 678 Bukan kerana tekanan: PM

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia akan berusaha mendapatkan sokongan daripada kumpulan negara tertentu, termasuk negara Timur Tengah, berhubung cadangan kerajaan supaya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengkaji semula Ketetapan 678.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata wakil negara ini di PBB, Datuk Razali Ismail, juga sudah diberi penjelasan mengenai cadangan kerajaan itu.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, cadangan terbaru berkenaan dibuat bukan kerana tekanan mana-mana pihak atau disebabkan kerajaan tersilap menyokong ketetapan itu.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, Ma-

laysia tetap berpegang kepada pendirian bahawa Iraq mesti keluar dari Kuwait tanpa pemusnahan ke atas Iraq seperti yang termaktub dalam Ketetapan 678 itu.

"Kita meminta negara lain mempunyai pendirian yang sama dengan kita iaitu supaya PBB mengkaji semula Ketetapan 678," katanya sewaktu menjawab soalan pemberita selepas melawat kira-kira tiga jam ke Taman Burung dan Taman Orkid di Taman Tasik Perdana di sini, hari ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, Malaysia sudah memutuskan untuk membantu Jordan yang menjadi pusat pelarian mangsa peperangan dengan peruntukan awal \$100,000.

"Kita sanggup membantu mangsa peperangan di segi bekalan ubat, wang dan makanan, tanpa mengira sama ada mereka bangsa Kuwait, Iraq atau Arab Saudi. Saya harap orang ramai juga dapat menghulurkan bantuan kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia bersedia menyertai sebarang mesyuarat

antarabangsa, termasuk Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) untuk mencari jalan menamatkan Perang Teluk.

"Kita sedar bahawa kita adalah sebuah negara kecil, lebih-lebih lagi sekarang kita tidak menganggotai Majlis Keselamatan PBB. Oleh itu, kita cuma boleh memujuk, merayu dan mendesak mana-mana kumpulan negara seperti OIC supaya mengadakan perbincangan untuk mencari jalan mengatasi krisis di Teluk," katanya.

Menurutnya, sebarang pertikaian mestilah diselesaikan secara aman menerusi meja rundingan dan bukan dengan cara berperang kerana yang menjadi mangsa peperangan di Teluk ialah orang Islam sendiri.

Ditanya mengenai dakwaan sesetengah pihak bahawa perang di Teluk adalah jihad, Perdana Menteri berkata, beliau tidak boleh menerima perkara itu sebagai jihad apabila ia membabitkan serangan sebuah negara Islam ke atas negara Islam yang lain.